

03/03/1998

Kelantan sokong usaha Pusat pulih ekonomi

san; Veena Rusli

KOTA BHARU, Isnin - Kerajaan Kelantan terus menyokong langkah Kerajaan Pusat menangani masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara, kata Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Beliau berkata, sokongan itu adalah penting bagi memastikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak tunduk terhadap tekanan pihak luar yang mendesaknya agar meletak jawatan.

"Kita (kerajaan Kelantan) meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan politik dan sokongan terhadap Kerajaan Pusat dalam mengatasi masalah ekonomi negara akan diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Hussain Ahmad (Pas-Tendong) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di sini, hari ini.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Rozali Isohak (BN-Dabong), Nik Aziz bagaimanapun, menolak kemungkinan untuk menyokong parti politik yang dipimpin Dr Mahathir (Umno).

Sementara itu, Nik Aziz berkata, langkah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (Maten) peringkat negeri melantik Ketua Pembangkang, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, sebagai seorang daripada ahli jawatankuasa adalah untuk membolehkan semua pihak memikul tanggungjawab bersama.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu sama ada negeri lain turut melantik pembangkang menganggotai Maten," katanya ketika menjawab soalan tambahan Hassan Mahmood (Pas-Tawang).

Kepada soalan asal Hanafi Daud (Pas-Chetok), beliau menjelaskan penubuhan Maten di peringkat negeri adalah sebagai usaha membantu kerajaan melaksanakan strategi jangka panjang dalam menangani kegawatan ekonomi.

Katanya, langkah itu perlu bagi memastikan negara tidak terjebak ke dalam keadaan yang lebih buruk pada masa akan datang.

Persidangan turut meluluskan pelantikan Adun Meranti, Mohd Nasuruddin Daud, sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-Kira kerajaan (PAC) bagi tempoh dua penggal mulai penggal keempat hingga tamat dewan negeri Kelantan kesembilan.

Selain itu, dewan hari ini turut meluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (1997) 1998.

(END)